

22/01/1998

Malaysia mampu atasi masalah

APABILA Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu bahawa Malaysia tidak memerlukan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi menangani kegawatan ekonominya, tidak kurang pula terutama di kalangan penganalisis barat menempelak kononnya kenyataan itu berbentuk politik semata-mata.

Mereka berpendapat Malaysia mahu menyembunyikan hakikat sebenar konon malu untuk "menyembah" IMF, pada hal Thailand, Indonesia dan Korea Selatan sanggup menerima pakej bantuan bernilai berbilion dolar IMF, yang akhirnya dikatakan boleh merugi negara bukan penerima seperti Malaysia.

Sebenarnya, Dr Mahathir dan Anwar mempunyai asas kukuh membuat kenyataan yang dianggap angkuh oleh Barat itu. Kedua-dua pemimpin ini tahu Malaysia masih berupaya menangani kegawatan ekonomi meskipun tiga negara serantau bagaikan nyawa ikan untuk menyelamatkan keadaan.

Hakikat ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus di akhir lawatan dua harinya ke Kuala Lumpur minggu lalu selepas berkunjung ke Singapura dan Indonesia.

Begitu juga kenyataan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Lawrence Summers, yang tertarik dengan dasar ekonomi Malaysia serta langkah tegas kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Menurut Camdessus, Malaysia sebenarnya tidak perlukan program IMF sambil memuji dasar fiskal negara terutama rancangan penyusunan semula sektor kewangan.

Beliau berkata, Malaysia perlu terus mengukuhkan dasar kewangannya bagi mencapai adunan dasar yang lebih baik dalam usaha memulihkan keyakinan pasaran memandangkan kemudahrupan pasaran mata wang dan tukaran asing.

"Kedudukan kewangan Malaysia kukuh dan cukai tidak perlu dinaikkan. Kedudukan fiskal juga cukup teguh," katanya.

Berikutan kenyataan memberangsangkan itu juga, petunjuk utama pasaran iaitu indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan ringgit melonjak naik.

Ketika berada di ibu negara, beliau dan rombongan mengadakan pertemuan berasingan dengan Dr Mahathir, Anwar dan Gabenor Bank Negara Malaysia (Bank Negara), Tan Sri Ahmad Mohd Don.

Bagaimanapun katanya, sistem kewangan Malaysia perlu diawasi dengan berhati-hati oleh Bank Negara dan pihak berkuasa bagi menjamin keadaan itu sentiasa mematuhi kecairan modal dan dengan itu pinjaman tidak berbayar boleh dikekalkan pada tahap rendah.

Beliau berkata cadangan penggabungan institusi kewangan tempatan, amat dialukan kerana langkah itu akan mengukuhkan kedudukan mereka dan meningkatkan kelebihan daya saingan mereka apabila pasaran kewangan tempatan terus dilonggarkan nanti.

Cuma, yang dikhuatiri IMF ialah pertumbuhan kredit Malaysia yang terlalu pesat terutama dalam tempoh dua tahun.

Namun kata Camdessus, Bank Negara nampaknya bersedia untuk mengurangkan pertumbuhan kredit bagi mengurangkan tekanan.

"Pertumbuhan kredit agak keterlaluan, sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun lalu. Ada kemungkinan tekanan inflasi berikutan nilai ringgit yang susut," katanya.

Camdessus berkata, berbeza dengan negara lain, Malaysia terjejas oleh krisis mata wang dan pasaran adalah disebabkan oleh kesan jangkitan. Beliau memuji program jimat cermat negara ini yang diumumkan pada 5

Disember lalu.

Bagaimanapun, beliau mendapati bahawa pinjaman tak berbayar Malaysia dikekalkan pada "tahap rendah dalam beberapa tahun lalu."

Bagi Summers pula, Malaysia sudah mengambil beberapa langkah kukuh terutama sektor fiskal dan mempunyai komitmen untuk mengambil langkah lebih tegas jika perlu.

Disember lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan beberapa langkah menangani ekonomi termasuk pemotongan 18 peratus perbelanjaan kerajaan, mengekang pengaliran kredit sektor perbankan dan kewangan.

Apabila MF kembali semula Mac nanti untuk membincangkan langkah yang ketat yang dilaksanakan Malaysia setakat ini, sudah pasti pasukan itu dapat melihat kemajuan komitmen Malaysia seterusnya.

(END)